



NEGERI BRUNEI

E 9 TAHUN 1983.

UNDANG2 LAUT WILAYAH NEGERI BRUNEI, 1982

Beta bersetuju,



DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI  
BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN.

10-2-83

Satu Undang2 untuk mengishtiharkan sempadan2 laut wilayah Negeri Brunei.

[ ]

ADA-LAH DI-PERBUAT oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan nasehat dan persetujuan Majlis Mashuarat Negeri seperti yang berikut :—

## UNDANG2 LAUT WILAYAH NEGERI BRUNEI, 1982

1. Undang2 ini boleh di-gelar sebagai Undang2 Laut Wilayah Negeri Brunei, 1982. Gelaran.
2. (1) Ada-lah dengan ini di-ishtiharkan bahawa lebar-nya laut wilayah Negeri Brunei ia-lah dua belas batu pelayaran. Lebar-nya laut wilayah negeri.  
  
(2) Ukoran lebar-nya itu hendak-lah di-sukat menurut undang2 antarabangsa.
3. (1) Seberapa cepat yang mungkin atau selepas itu dari masa ka-semasa yang Baginda mungkin memikirkan perlu Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan akan menyebabkan supaya di-terbitkan peta berukoran besar (large scale map) yang menunjukkan tanda2 ayer surut, garis2 pangkal, sempadan2 sebelah luar serta kawasan2 laut wilayah Negeri Brunei. Penerbitan peta.  
  
(2) Salinan peta sedemikian hendak-lah di-siarkan dalam *Warta Kerajaan* bagi ma'aluman ramai.
4. (1) Dalam mana2 perbicharaan di-hadapan mana2 mahkamah di-Brunei jika soal berbangkit tentang sama ada sesuatu perbuatan telah di-lakukan atau tidak di-lakukan di-dalam atau di-luar laut wilayah Negeri Brunei, suatu surat akuan yang menyatakan demikian yang dikatakan telah di-tandatangani oleh atau bagi pehak Menteri Besar hendak-lah di-terima sebagai bukti keterangan dan ada-lah menjadi bukti pada zahir-nya (*prima facie proof*) mengenai hal2 yang di-nyatakan di-dalam-nya. Bukti keterangan.  
  
(2) Apa jua sebutan mengenai laut wilayah Negeri Brunei di-dalam sebarang undang2 bertulis hendak-lah ditafsirkan terta'lok kepada sharat2 Undang2 ini.

Di-luluskan pada 8 haribulan Disember, 1982.

DATO PADUKA HAJI JUDIN HAJI ASAR  
Jurutulis,  
Majlis Mashuarat Negeri,  
Brunei.